

## PENUTUP

1. Secara keseluruhannya, setakat 11 Januari 2024, sebanyak 140 daripada 144 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2022 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara. Sebanyak 130 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah selesai pengauditan dan pensijilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 116 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Selain itu, 14 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion), iaitu 13 Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan.
2. Pelaporan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 menekankan lima perkara utama, iaitu Lebihan atau Kurangan Semasa, Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman serta Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari.
3. Selain itu, pelaporan Fokus Utama Audit (Key Audit Area) yang diperkenalkan pada tahun 2023 bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 memberi tumpuan secara mendalam terhadap isu usaha berterusan (going concern) serta penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum.
4. Setiap Agensi Persekutuan perlu mematuhi undang-undang/peraturan/polisi kewangan yang telah ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod perakaunan yang berkaitan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran pegawai hendaklah dipertingkatkan dalam pengurusan kewangan dan pemahaman piawaian perakaunan. Pengauditan yang dijalankan adalah secara pensampelan dan menjadi tanggungjawab Ketua Agensi Persekutuan untuk memastikan keseluruhan pengurusan kewangan adalah teratur di bawah agensi masing-masing. Tindakan penambahbaikan dan pencegahan hendaklah diambil bagi mengelakkan kelemahan yang sama dibangkitkan pada masa hadapan agar Agensi Persekutuan dapat melaksanakan fungsinya dengan baik, mencapai objektif penubuhan, berdaya maju dan memberi pulangan terbaik kepada pemegang taruh.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
7 Februari 2024**